



KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 21 OKTOBER 2020

STATUS TERKINI KES DISAHKAN COVID-19 YANG TELAH PULIH

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan bahawa pada hari ini, Malaysia mencatatkan bilangan kes pulih COVID-19 sebanyak **580 kes**. Ini menjadikan jumlah kumulatif kes yang telah pulih sepenuhnya dari COVID-19 adalah **14,931 kes** (65 peratus daripada jumlah keseluruhan kes). Pecahan kes yang telah pulih COVID-19 mengikut negeri adalah seperti berikut:

- Sabah (305 kes);
- Pulau Pinang (169 kes);
- Selangor (73 kes);
- Kedah (19 kes);
- Perak (7 kes);
- Terengganu (4 kes);
- Sarawak (2 kes); dan
- Negeri Sembilan (1 kes).

STATUS TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA

Sehingga 21 Oktober 2020 pukul 12:00 tengah hari, sebanyak **732 kes baharu** telah dilaporkan. Ini menjadikan jumlah kes positif COVID-19 di Malaysia adalah

sebanyak **22,957 kes**. Oleh itu, **jumlah kes aktif dengan kebolehsangkitan COVID-19 adalah 7,827 kes**. Mereka telah diasingkan dan diberi rawatan.

Negeri Sabah masih mencatatkan jumlah kes tertinggi iaitu 535 kes (73.1 peratus). Lebih banyak ujian makmal RT-PCR telah dapat dijalankan di makmal-makmal di negeri Sabah serta dihantar ke Semenanjung Malaysia. Lebih banyak ujian RTK Antigen juga dijalankan di lapangan. Secara keseluruhan, sebanyak 30 kes (4.1 peratus) pada hari ini adalah daripada Kluster Penjara Seberang Perai, Kluster Penjara Kepayan, Kluster Tembok dan Penjara Reman.

Pada hari ini, Selangor mencatatkan pertambahan sebanyak 116 kes (15.8 peratus) dan daripada jumlah itu, 49 kes adalah daripada kluster-kluster sedia dan 11 kes adalah daripada kluster-kluster baharu. Daripada tiga (3) kluster baharu, satu (1) kluster adalah berkaitan dengan sejarah perjalanan pulang dari Sabah.

Ingin dimaklumkan daripada 732 kes baharu yang dilaporkan, terdapat **lapan (8) kes** import yang telah mendapat **jangkitan dari luar negara** dilaporkan yang melibatkan enam (6) warganegara dan dua (2) bukan warganegara iaitu dari negara:

- Singapura (3 kes di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur);
- Nepal (1 kes di Selangor);
- Emiriah Arab Bersatu (1 kes di Selangor)
- Amerika Syarikat (1 kes di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur);
- United Kingdom (1 kes di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur); dan
- Perancis (1 kes di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur).

Daripada jumlah keseluruhan kes hari ini, tiga (3) kes merupakan pengunjung yang pulang dari Sabah. Ini menjadikan jumlah kes yang dilaporkan mempunyai sejarah perjalanan ke Sabah sejak 20 September 2020 adalah sebanyak 454 kes.

Perincian kes penularan COVID-19 dalam negara adalah seperti berikut:

- **Sabah: 535 kes**

- 254 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19;
- 64 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
- 19 kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Basung**;
- Enam (6) kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Inai**;
- Dua (2) kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Tempayan**; dan
- 190 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Selangor: 114 kes**

- 49 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
- 34 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19;
- Lapan (8) kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Cahaya**;
- Dua (2) kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Bah Kota**;
- 15 kes daripada saringan tempat kerja;
- Satu (1) kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Long**; dan
- Lima (5) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur: 20 kes**

- Enam (6) kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Melati**;
- Enam (6) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19;
- Lima (5) kes daripada kluster-kluster sedia ada; dan
- Tiga (3) kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Long**.

- **Pulau Pinang: 12 kes**
 - 11 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - Satu (1) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Negeri Sembilan: Sembilan (9) kes**
 - Empat (4) kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Cahaya**;
 - Empat (4) kes saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - Satu (1) kes daripada kluster sedia ada.

- **Wilayah Persekutuan Labuan: Sembilan (9) kes**
 - Lima (5) kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Bina Labuan**;
 - Dua (2) kes saringan pulang dari kawasan berisiko tinggi (Sabah); dan
 - Dua (2) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Kedah: Tujuh (7) kes** daripada kluster sedia ada.

- **Perak: Tujuh (7) kes**
 - Empat (4) kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - Satu (1) kes saringan pulang dari kawasan berisiko tinggi (Sabah);
 - Satu (1) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - Satu (1) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Wilayah Persekutuan Putrajaya: Enam (6) kes** daripada kluster-kluster sedia ada.

- **Melaka: Tiga (3) kes** daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Kelantan: Satu (1) kes** daripada kluster sedia ada.

- **Pahang: Satu (1) kes** daripada kluster sedia ada.

Sehingga kini, terdapat **102 kes** positif COVID-19 yang sedang dirawat di **Unit Rawatan Rapi (ICU)**, di mana **31 kes** memerlukan bantuan pernafasan.

Daripada maklumat terkini yang dilaporkan ke *Crisis Preparedness and Response Centre* (CPRC) Kebangsaan, dukacita dimaklumkan bahawa terdapat pertambahan **enam (6) kes kematian** berkaitan COVID-19. Justeru, jumlah kumulatif kes kematian COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak **199 kes** (0.87 peratus daripada jumlah keseluruhan kes).

Ringkasan kes-kes kematian hari ini adalah seperti berikut:

Kes kematian	Kes no.	Negeri	Jantina	Umur (tahun)	Hospital	Latar Belakang
194	22756	Sabah	Perempuan WN	71	Hospital Semporna	Penyakit barah payudara dan strok
195	22757	Sabah	Lelaki WN	65	Hospital Queen Elizabeth	Penyakit darah tinggi, kencing manis, Hepatitis B kronik dan penyakit autoimun darah
196	22758	Sabah	Lelaki WN	65	Hospital Duchess of Kent	Strok

197	22759	Sabah	Lelaki WN	55	Hospital Duchess of Kent	Penyakit darah tinggi dan kencing manis
198	22760	Sabah	Lelaki BWN	27	Hospital Duchess of Kent	-
199	22943	WP Labuan	Lelaki WN	46	Hospital Labuan	Penyakit darah tinggi

* WN merujuk kepada warganegara dan BWN bukan warganegara

KKM mengucapkan takziah kepada semua ahli keluarga mereka.

LAPAN (8) KLUSTER BAHARU DILAPORKAN HARI INI

KKM ingin memaklumkan bahawa terdapat **lapan (8) kluster baharu** telah dikenal pasti pada hari ini iaitu;

1) KLUSTER BASUNG

Kluster baharu ini melibatkan sebuah jeti nelayan di daerah Kudat, Sabah. Sebanyak 19 kes dikenal pasti positif COVID-19 dalam kluster ini melalui saringan bersasar ke atas individu yang terlibat dengan perniagaan ikan di daerah Kudat.

Sehingga 21 Oktober 2020, 12 tengah hari, sejumlah 174 individu telah disaring, di mana:

- 19 kes dikesan positif COVID-19; dan
- 148 individu negatif; dan

- 7 individu masih menunggu keputusan.

2) KLUSTER INAI

Kluster baharu ini melibatkan daerah Kudat di negeri Sabah. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-17773) telah dikenal pasti positif COVID-19 hasil saringan individu bergejala pada 14 Oktober 2020 dan telah dimasukkan ke Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 (PKRC) di PPR Taman Ehsan, Kota Belud. Saringan kontak rapat telah mengenal pasti tujuh (7) lagi kes positif COVID-19.

Sehingga 21 Oktober 2020, 12 tengah hari, sejumlah 92 individu telah disaring, di mana:

- Lapan (8) kes dikesan positif COVID-19; dan
- 84 masih menunggu keputusan saringan.

3) KLUSTER TEMPAYAN

Kluster baharu ini melibatkan daerah Kota Kinabalu dan Penampang di negeri Sabah. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-11619) telah dikenal pasti positif COVID-19 hasil saringan individu bergejala pada 1 Oktober 2020 dan telah dimasukkan ke Hospital Queen Elizabeth. Saringan kontak rapat telah mengenal pasti 18 lagi kes positif COVID-19.

Sehingga 21 Oktober 2020, 12 tengah hari, sejumlah 21 individu telah disaring, di mana:

- 19 kes dikesan positif COVID-19; dan
- Satu (1) individu negatif; dan
- Satu (1) individu masih menunggu keputusan.

4) KLUSTER LONG

Kluster baharu ini melibatkan daerah Hulu Langat di negeri Selangor dan Titiwangsa, Lembah Pantai, Kepong di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-16746) telah dikenal pasti positif COVID-19 hasil saringan individu bergejala pada 12 Oktober 2020 dan telah dimasukkan ke Hospital Sungai Buloh. Saringan kontak rapat telah mengenal pasti 17 lagi kes positif COVID-19.

Sehingga 21 Oktober 2020, 12 tengah hari, sejumlah 301 individu telah disaring, di mana:

- 18 kes dikesan positif COVID-19;
- 260 individu negatif; dan
- 23 individu menunggu keputusan.

5) KLUSTER CAHAYA

Kluster baharu ini melibatkan daerah Petaling di negeri Selangor dan daerah Tampin di Negeri Sembilan. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-20394) telah dikenal pasti positif COVID-19 hasil saringan individu bergejala pada 16 Oktober 2020 dan telah dimasukkan ke Hospital Sungai Buloh. Saringan kontak rapat telah mengenal pasti 17 lagi kes positif COVID-19.

Sehingga 21 Oktober 2020, 12 tengah hari, sejumlah 84 individu telah disaring, di mana:

- 18 kes dikesan positif COVID-19;
- 3 individu negatif; dan
- 63 individu masih menunggu keputusan.

6) KLUSTER BAH KOTA

Kluster baharu ini melibatkan daerah Sepang di negeri Selangor dan Seremban di Negeri Sembilan. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-17988) telah dikenal pasti positif COVID-19 hasil saringan individu bergejala pada 14 Oktober 2020 dan telah dimasukkan ke Hospital Sungai Buloh. Saringan kontak rapat telah mengenal pasti sembilan (9) lagi kes positif COVID-19.

Sehingga 21 Oktober 2020, 12 tengah hari, sejumlah 171 individu telah disaring, di mana:

- 10 kes dikesan positif COVID-19; dan
- 161 individu masih menunggu keputusan.

7) KLUSTER MELATI

Kluster baharu ini melibatkan daerah Titiwangsa di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan daerah Klang di negeri Selangor. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-18002) telah dikenal pasti positif COVID-19 hasil saringan individu bergejala pada 14 Oktober 2020 dan telah dimasukkan ke Hospital Sungai Buloh. Saringan kontak rapat telah mengenal pasti lapan (8) lagi kes positif COVID-19.

Sehingga 21 Oktober 2020, 12 tengah hari, sejumlah 24 individu telah disaring, di mana:

- Sembilan (9) kes dikesan positif COVID-19; dan
- 15 individu individu masih menunggu keputusan.

8) KLUSTER BINA LABUAN

Kluster baharu ini melibatkan Wilayah Persekutuan Labuan. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-22943) telah dikenal pasti positif COVID-19 hasil saringan kemasukan hospital pada 21 Oktober 2020 dan meninggal dunia pada hari yang sama di Hospital Labuan. Saringan kontak rapat telah mengenal pasti empat (4) lagi kes positif COVID-19.

Sehingga 21 Oktober 2020, 12 tengah hari, sejumlah 60 individu telah disaring, di mana:

- Lima (5) kes dikesan positif COVID-19; dan
- 55 individu masih menunggu keputusan.

PERKHIDMATAN KESIHATAN MENTAL DAN SOKONGAN PSIKOSOSIAL (MHPSS) BAGI COVID-19

Bagi menangani isu kesihatan mental berkaitan pandemik COVID-19, Perkhidmatan Kesihatan Mental dan Sokongan Psikososial (MHPSS) telah mewujudkan Talian Sokongan Psikososial. KKM bersama MERCY dan agensi-agensi lain seperti Bahagian Keluarga, Sosial dan Komuniti, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (KSK JAKIM), Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO) melalui Talian Sokongan Psikososial telah menerima sebanyak 36, 269 panggilan sejak 25 Mac sehingga 19 Oktober 2020. Antara isu-isu yang dialami oleh pemanggil adalah:

- Isu yang memerlukan sokongan emosi, dan kaunseling, (stres, bimbang, marah, murung) : 50%;

- Antara sebab-sebab adalah faktor-faktor sosial seperti hilang pekerjaan, tiada pendapatan, masalah hubungan, persepsi negatif orang sekeliling, bimbang dijangkiti, masalah tempat kerja)
- Maklumat berkaitan COVID-19 : 14.7%;
- Isu rumahtangga / Keganasan rumah tangga: 8.8%;
- Keperluan asas / bantuan kewangan / sumbangan : 6.8;
- Aduan: 3.3%;
- Masalah psikiatri 2.2%; dan
- Isu - isu kesihatan : 1.1%.

Menyedari situasi semasa COVID-19 di Sabah, KKM telah mengambil tindakan mempertingkatkan liputan MHPSS khas untuk warga di Sabah terutamanya bagi mereka yang memerlukan sokongan dalam keadaan krisis. Talian ini boleh diakses melalui nombor 088 338088 untuk membantu mereka yang memerlukan khidmat sokongan emosi dan bantuan awal psikologi.

Selain itu, KKM juga menyediakan perkhidmatan kaunseling kepada anggota barisan hadapan di lapangan bagi mengenalpasti mereka yang mulai mengalami kelesuan minda serta membantu mereka yang dari aspek kesihatan mental. KKM berharap wira dan wirawati negara ini cekal dan terus berjuang menghadapi gelombang ketiga wabak COVID-19 di Malaysia ini.

NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19

KKM ingin menasihati orang ramai agar terus patuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan. Jadikanlah nasihat-nasihat ini satu kebiasaan baharu dalam kehidupan harian:

- **Elakkan 3S / 3C** : iaitu elakkan kawasan yang **sesak (*Crowded place*)**, elakkan kawasan yang **sempit (*Confined space*)** dan elak **sebang** atau bertutur dengan **jarak yang dekat (*Close conversation*)**.
- **Amalkan 3W** : iaitu kerap mencuci tangan dengan air dan sabun (***Wash***), memakai alat pelitup muka (*facemask*) di tempat awam yang telah diwajibkan oleh pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN) mulai 1 Ogos 2020 atau jika bergejala (***Wear***), dan (***Warn***) iaitu amaran dari KKM yang lebih berkonsep peringatan seperti:
 - Elakkan bersalaman / bersentuhan termasuk melagakan mana-mana bahagian tubuh badan sebagai menggantikan cara kebiasaan bersalam;
 - Amalkan etika batuk dan bersin;
 - Dapatkan rawatan segera jika bergejala;
 - Duduk di rumah dan elakkan kunjung-mengunjung;
 - Lakukan aktiviti disinfeksi dan pembersihan di kawasan yang kerap disentuh.

Patuhlah kepada S.O.P sebagai normal baharu iaitu:

- **S** : Syarat-syarat seperti yang ditetapkan di bawah Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP);
- **O** : Orang yang berisiko tinggi seperti kanak-kanak, bayi, warga emas dan orang kurang upaya (OKU) perlu dilindungi, individu tidak sihat dan bergejala dikehendaki segera menjalani pemeriksaan kesihatan;
- **P** : Penjarakan fizikal (*physical distancing*) sekurang-kurangnya 1 meter diamalkan pada setiap masa.

KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang perkembangan terkini mengenainya. Begitu juga, KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya adalah dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

21 Oktober 2020 @ 6.00 petang.

LAMPIRAN 1**BILANGAN KES COVID-19 MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA
(SEHINGGA 21 OKTOBER 2020, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

NEGERI	BILANGAN KES BAHARU *()	BILANGAN KES KUMULATIF
SABAH	535	9,290
SELANGOR	116 (2)	3,605
W.P. KUALA LUMPUR	26 (6)	2,886
KEDAH	7	1,964
NEGERI SEMBILAN	9	1,119
JOHOR	0	840
SARAWAK	0	769
PULAU PINANG	12	682
PERAK	7	431
PAHANG	1	389
MELAKA	3	302
KELANTAN	1	175
TERENGGANU	0	163
W.P. LABUAN	9	169
W.P. PUTRAJAYA	6	135
PERLIS	0	38
JUMLAH KESELURUHAN	732 (8)	22,957

*() adalah merujuk kepada kes-kes import

**Status Terkini Kluster Aktif Yang Mencatat Kes Positif Pada Hari Ini
(21 Oktober 2020)**

	Kluster	Negeri	Daerah	Kes Baharu	Jumlah Kes	Jumlah Yang Disaring	Kes Aktif (Kes ICU)	Jumlah Sembuh	Jumlah Kematian
1	Tujuh Serangkai	Sabah	Tuaran	31	195	2,655	43 (0)	151	1
2	Menara	Selangor, WP Kuala Lumpur & Putrajaya, Perak, Terengganu, Melaka	Hulu Langat, Petaling, Gombak, Klang, Sepang, Cheras, Titiwangsa, Lembah Pantai, WP Putrajaya, Larut, Matang & Selama, Kuala Nerus, Melaka Tengah	19	68	382	64 (0)	4	0
3	Penjara Kepayan	Sabah	Kota Kinabalu	12	427	888	427 (0)	0	0

4	Auto	Selangor, Negeri Sembilan, WP Kuala Lumpur & Putrajaya	Petaling, Klang, Kuala Langat, Sepang, Gombak, Hulu Langat, Seremban, Titiwangsa, Putrajaya	12	74	639	74 (0)	0	0
5	Simera	Terengganu, Pahang, Selangor, Negeri Sembilan, Perak, Johor, WP Putrajaya, Kelantan	Besut, Kuantan, Petaling, Klang, Hulu Langat, Gombak, Port Dickson, Manjung, Hilir Perak, Johor Bahru, Putrajaya, Tanah Merah	10	66	811	55 (1)	11	0
6	Kasih	Sabah	Lahad Datu	11	64	1,868	33 (0)	31	0

7	Bah Manggis	Sabah, Selangor, Negeri Sembilan	Tawau, Kuala Langat, Seremban, Port Dickson	12	60	747	42 (0)	18	0
8	Penjara Seberang Perai	Pulau Pinang	Seberang Perai Selatan	9	95	1,347	95 (2)	0	0
9	Benteng LD	Sabah	Lahad Datu, Tawau, Sandakan, Kinabatangan, Tuaran	8	1,085	16,513	244 (0)	840	1
10	Tembok	Kedah, Perak	Kota Setar, Baling, Kuala Muda, Sungai Petani, Kubang Pasu, Padang Terap, Larut, Matang & Selama	7	1,583	7,494	868 (6)	714	1

11	Jalan Meru	Selangor, Johor, Kelantan, WP Kuala Lumpur & Putrajaya, Pahang, Perak	Hulu Langat, Klang, Gombak, Petaling, Hulu Selangor, Kuala Selangor, Johor Bahru, Batu Pahat, Kota Bharu, Titiwangsa, Lembah Pantai, Kepong, Cheras, Temerloh, Muallim	4	138	1,124	65 (0)	73	0
12	Buntar	Kedah, Perak, WP Putrajaya, Johor, Selangor, Pulau Pinang	Kuala Muda, Kerian, Kinta, Putrajaya, Batu Pahat, Johor Bahru, Petaling, Sepang, Seberang Perai Selatan	4	37	514	36 (0)	1	0
13	Penjara Reman	Pulau Pinang	Timur Laut	2	401	3,991	221 (0)	179	1
14	Tanamera	Sabah	Tawau	2	49	86	32 (0)	17	0

15	Hentian	Selangor	Hulu Langat	1	50	127	50 (0)	0	0
16	Kencana	Selangor, Johor, WP Kuala Lumpur, Terengganu	Petaling, Hulu Langat, Klang, Gombak, Cheras, Johor Bahru, Batu Pahat, Pontian, Kuala Nerus	1	27	244	22 (0)	5	0
17	Seri Anggerik	Selangor	Hulu Selangor	1	24	96	12 (0)	12	0
18	Baiduri	Selangor, Negeri Sembilan, WP Kuala Lumpur	Hulu Langat, Gombak, Port Dickson, Cheras, Titiwangsa, Lembah Pantai	1	20	329	7 (0)	13	0
19	Jalan Pantai	WP Kuala Lumpur	Lembah Pantai	1	11	421	8 (0)	3	0
20	Sentral	WP Kuala Lumpur	Kepong, Cheras, Titiwangsa, Lembah Pantai	1	7	316	6 (0)	0	1
